

31 JAN 2003

Mahathir-Perutusan

SAMBUTAN TAHUN BARU CINA BUKTI DASAR KERAJAAN BERJAYA, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 31 Jan (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata masyarakat Cina Malaysia dapat merayakan Tahun Baru Cina dalam keadaan tenang dan selesa bersama dengan kaum dan penganut agama lain adalah bukti bahawa dasar-dasar kerajaan tepat dan berjaya.

Perdana Menteri berkata di banyak negara Asia dan lain-lain wilayah, pengamalan budaya Cina adalah tersekat.

"Di sini bukan sahaja perayaan Tahun Baru Cina bebas tetapi dijadikan perayaan nasional dengan cuti am dan sambutan meriah oleh badan-badan rasmi kerajaan," katanya dalam perutusan Tahun Baru Cina di sini.

Dr Mahathir berkata seperti juga tahun-tahun lalu, sambutan perayaan Tahun Baru Cina di negara ini berlangsung tanpa sebarang gangguan atau halangan walaupun dunia menghadapi cabaran peperangan.

"Sudah beribu tahun perayaan ini disambut oleh masyarakat Cina seluruh dunia. Ianya akan membawa makna besar sekiranya ia dapat disambut dengan penuh gembira dan dalam keadaan aman," katanya.

Dr Mahathir berkata toleransi rakyat berbilang kaum di Malaysia adalah satu budaya yang bertamadun dan perlu dipelihara dan diamalkan.

"Toleransi ini sudah menjadikan Malaysia dikagumi oleh dunia, terutamanya di zaman ini, di zaman permusuhan ketat antara kaum dan agama di mana-mana sahaja," katanya.

Dr Mahathir berkata semasa kaum Cina dan kaum lain merayakan Tahun Baru Cina, hendaklah semua rakyat Malaysia bersyukur dan menghargai betapa bertuahnyanya mereka hidup dalam sebuah negara seperti ini.

Sekali sekala hendaklah kita bayangkan apa akan jadi jika tidak ada sikap toleran ini, katanya.

"Oleh itu peliharalah budaya baik ini, peliharalah toleransi antara kaum kerana kita mendapat banyak keuntungan daripadanya," kata Dr Mahathir.

-- BERNAMA

RV KHY MOZ